

# Pensyarah UMP cipta alat kaji emosi

HARIAN METRO (SETEMPAT) | 0408 2017 (SELASA) M/S: 17

**Pekan:** Seorang pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) membangunkan inovasi dikenali alat bio maklum balas yang mampu mengetahui tahap tingkah laku, perasaan dan fisiologi manusia dengan hanya mengukur denyutan nadi.

Inovasi hasil kajian Dekan

Pusat Bahasa dan Sains Ke-manusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Madya Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab seperti satu set komputer namun dilengkapi dengan fon telinga serta mikrofon kecil terletak di satu sudut.

Menurut Dr Muhammad

Nubli, inovasi seperti itu sebenarnya sudah lama dipraktikkan di luar negara dan beliau mengambil contoh daripada pendekatan dilaksanakan di Amerika Syarikat, Russia, United Kingdom (UK), Belanda dan Republic Czech ketika hendak membangunkannya

pada 2006.

Katanya, dia mengambil contoh dari negara berkenaan dan membuatnya mengikut acuan tempatan kerana tidak semua di-amalkan di luar negara boleh dilaksanakan di Malaysia berikutan perbezaan budaya.